
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**HMT 124 – SEJARAH DAN NAHU TRADISIONAL
BAHASA MELAYU**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.


Kertas peperiksaan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Jawab EMPAT soalan. Soalan 1 dan 2 di dalam Bahagian A WAJIB dijawab. Jawab DUA soalan daripada Bahagian B.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Bahagian A: Soalan WAJIB dijawab

1. Teliti **Data 1** dan huraikan semua peringkat perkembangan bahasa Melayu sebagaimana yang ditunjukkan.

[25 markah]



2. Jawab soalan [a], [b] dan [c].

- [a] Huraikan secara ringkas pembahagian kelas kata Raja Ali Haji (1857) dalam bukunya Bustanul Katibin dan Zainal Abidin bin Ahmad (ZA'BA) (1940) dalam bukunya Pelita Bahasa Melayu Jilid I.

[11 markah]

- [b] Berdasarkan [a], bincangkan perbezaan dan persamaan pembahagian kedua-dua kelas kata tersebut.

[7 markah]

- [c] Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kedua-dua tokoh tersebut dalam pembahagian kelas kata mereka.

[7 markah]

Bahagian B: Jawab DUA soalan.

3. Jawab soalan [a] dan [b].

- [a] Bincangkan ragam ayat imbuhan *per-* dan *ber-* menurut Zainal Abidin bin Ahmad (ZA'BA) (1940), Abdullah Hassan (1974) dan Nik Safiah Karim et al. (1987).

[15 markah]

- [b] Jelaskan perubahan yang berlaku dari segi fungsi gramatis dalam masa tiga buku tersebut diterbitkan.

[10 markah]

4. Kemukakan dan bincangkan tiga definisi kun'lun dan kaitannya dengan bahasa Melayu kuno dan tiga definisi jawi dan kaitannya dengan bahasa Melayu klasik.

[25 markah]

5. Teliti **Data 2** yang mengandungi catatan tentang bahasa Melayu moden pascamerdeka dan jawab soalan [a] dan [b].

Data 2

Kodifikasi tidak membawa maksud keseragaman kod yang mutlak, baik dari segi waktu, jarak maupun situasi sosial.

Sumber: Asmah Haji Omar (1989: 111)

- [a] Apakah maksud **kodifikasi** sebagaimana yang dinyatakan di dalam **Data 2**?

[15 markah]

- 4 -

- [b] Kemukakan dan huraikan dua contoh daripada mana-mana aspek bahasa Melayu moden di Malaysia yang memperlihatkan keadaan di dalam **Data 2**.

[10 markah]

6. Huraikan perkara di dalam [a], [b] dan [c] dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

- [a] Maksud transkripsi bahasa Melayu kuno pada batu bersurat telah mengalami dua proses.

[8 markah]

- [b] Dua fungsi bahasa Melayu klasik.

[8.5 markah]

- [c] Dua kesan penjajahan Barat terhadap bahasa Melayu Moden pramerdeka.

[8.5 markah]